

# UMSKAL pelengkap pada hab pendidikan Labuan

OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)

**LABUAN:** Kewujudan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menjadi pelengkap kepada hasrat kerajaan menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai hab pendidikan terunggul di rantau ini.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Haji Isli berkata sejak penubuhannya pada 1999, UMSKAL menjadi satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan sekali-gus menjadi kebanggaan warganya.

Beliau berkata UMSKAL merupakan mercu tanda kepada pembangunan pendidikan tinggi sekali-gus menarik minat pelajar sekolah rendah dan menengah serta generasi muda untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat lebih tinggi.

"Sudah semestinya kewujudan UMSKAL menjadi kebanggaan kita-kira 100,000 penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan. Ia juga menjadi pelengkap kepada sistem pendidikan di pulau bebas cukai ini," katanya.

Beliau yang juga Pengurus Perbadanan Labuan berkata demikian ketika berucap pada Majlis Malam Persembahan Bakat sempena Minggu Suai Mesra (MSM) sesi 2015/206 di Dewan Utama UMSKAL, malam Jumat lalu.

Pelbagai persembahan termasuk nyanyian dan tarian serta deklamasi sajak menyerikan lagi majlis itu yang turut dihadiri Pengarah UMSKAL, Profesor Madya Dr. Murnizam Haji Halik, Timbalan Pengarah UMSKAL, merangkap Pengurus MSM Sesi 2015/2016, Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohammad Tuah.

Hadir sama Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Amos Peter dan Ketua Pengarah Pembimbing Suai Mesra Sesi 2015/2016, Ezra John Anthony.

Sehubungan itu, Rozman mengajak pelajar baru dari seluruh negara supaya mengambil peluang keemasan ketika berada di Labuan untuk mereroka lebih banyak ilmu dan pengalaman.

Katanya, sejak beberapa tahun ini, Labuan semakin pesat membangun bukan sahaja sebagai pusat kewangan antarabangsa tetapi juga hab industri minyak dan gas.

Beliau berkata kehadiran pemain industri berkenaan telah banyak membantu merancakkan lagi ekonomi dan industri pelancongan domestik.

Sambil mengucapkan Selamat Datang dan mengalu-alukan kehadiran siswa-siswi baru dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung ke Wilayah Persekutuan Labuan, Rozman mahu mereka menjadikan Labuan sebagai rumah kedua mereka selama tiga hingga empat pengajian di UMSKAL.

"Inilah peluang untuk mahasiswa mengenal dengan lebih dekat masyarakat, adat dan budaya penduduk di 27 buah kampung di Wilayah Persekutuan Labuan. Anda harus bertukar-tukar pandangan serta adat dan budaya masyarakat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung dengan masyarakat setempat,," katanya.

Rozman berkata sudah tentu kehadiran mahasiswa itu ke pulau bebas cukai ini akan memberi impak yang sangat besar kepada Wilayah Persekutuan Labuan dari segi pem-



TERIMA KASIH.... – Rozman (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Murnizam sambil diperhatikan Geoffrey (dua kanan) dan Zamri (dua kiri).



DIRAIKAN ... Pelajar baharu meraikan hari jadi Timbalan Pengarah UMSKAL, Geoffrey.



MESRA ... Rozman (empat kanan) beramah mesra dengan pelajar baru diiringi Murnizam (dua kanan), Geoffrey (kanan) dan Zamri (tiga kanan).

bangunan, ekonomi, pelancongan, pertambahan penduduk, pertukaran budaya dan menaikkan semangat anak muda tempatan.

Katanya, jumlah pelajar, pensyarah dan kakitangan UMSKAL yang semakin bertambah pada setiap tahun turut membantu menjana ekonomi dari segi keperluan perumahan, pengangkutan, kuasa beli, kraftangan dan produk tempatan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Malah, jika ahli keluarga atau rakan-rakan anda selain pegawai UMS dari Kota Kinabalu berkunjung ke Labuan sudah tentu mereka akan berbelanja di wilayah ini sekaligus merancakkan industri pelancongan tempatan,," katanya.

Katanya, selaras dengan gagasan 1Malaysia, beliau melihat UMSKAL adalah contoh terbaik wujudnya perkongsian pelbagai agama dan

bangsa daripada suku kaum di Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang akan bertembung dengan masyarakat suku kaum Brunei dan Kedayan di Wilayah Persekutuan Labuan.

"UMSKAL menjadi contoh perpaduan kaum yang mantap di Wilayah Persekutuan Labuan hasil kehadiran mahasiswa pelbagai bangsa dan agama dari seluruh negara. Ianya perlu disemai untuk pembangunan modal insan dan kemakmuran negara kita," katanya.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Rozman mengucapkan terima kasih kepada UMSKAL kerana sentiasa bekerjasama dan terbabit secara langsung dengan jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan pelbagai program di Wilayah Persekutuan Labuan selama ini.